

03/01/1998

IDEC Sungei Besi berhasrat jadi pusat eksport

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pusat Rekabentuk Eksport Antarabangsa (IDEC) di Sungei Besi yang menempatkan Kempen Beli dan Cintai Barangan Buatan Malaysia, berhasrat menjadi pusat eksport bagi barangan tempatan ke luar negara.

Pengurus Besar Alternative Response Sdn Bhd (ARSB), Md Khalid Abdullah, berkata IDEC akan menyediakan ruang niaga dan pejabat untuk kegunaan syarikat tempatan, yang mahu mengeksport produk mereka ke luar negara.

Selain itu, IDEC akan turut membantu syarikat terbabit mengadakan hubungan dengan ejen atau kerajaan negara asing bagi memasarkan barangan keluaran mereka.

ARSB yang turut menguruskan Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (MINES), sedang melaksanakan gerakan pendaftaran bagi menarik seberapa banyak syarikat tempatan untuk menyertai program terbabit.

"Ketika ini, syarikat yang menyertai program terbabit boleh menikmati kemudahan percuma selama tiga bulan, iaitu sehingga 31 Mac ini ... dalam tempoh berkenaan kami hanya mengambil sepuluh peratus keuntungan syarikat itu untuk tujuan promosi.

"Kira-kira 50 syarikat sudah menyertai program itu tetapi kami yakin boleh mencapai angka melebihi 100 dalam tempoh beberapa bulan akan datang," katanya ketika ditemui hari ini.

Program itu dilancarkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi Kempen Beli dan Cintai Barangan Buatan Malaysia di MINES, petang semalam.

IDEC, diasaskan untuk mengeksport barangan hiasan dalaman seperti perabot, kini merangkumi pelbagai produk lain seperti perkakas elektrik dan bahan binaan.

Md Khalid berkata, syarikatnya berpengalaman luas dalam bidang eksport dengan beberapa pegawai kanan sebelum ini berkhidmat dengan Matrade dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Menurut beliau, tapak pameran untuk produk tempatan itu akan dikekalkan sebagai pusat promosi barangan tempatan.

"Saya berharap peniaga akan menjual barangan pada harga yang rendah untuk menarik pelanggan ke tempat ini," katanya.

(END)